

11 JUL 2001

McKinnon-CHOGM

SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung Komanwel Donald McKinnon hari ini membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau di sini.

Dalam pertemuan 40 minit itu, McKinnon memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai persiapan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang akan diadakan di Brisbane, Australia dari 6 hingga 9 Okt ini.

Bercakap pada sidang berita kemudian, McKinnon berkata beliau dan Dr Mahathir juga membincangkan tentang beberapa isu yang akan dibangkitkan pada mesyuarat dua tahun sekali itu.

"Beliau (Dr Mahathir) sangat prihatin tentang negara-negara membangun yang menjadi tumpuan kami. Kami tidak banyak berbincang mengenai isu-isu yang akan dibangkitkan pada mesyuarat itu tetapi ada menyentuh mengenainya secara umum," katanya.

McKinnon berkata CHOGM adalah acara penting bagi para pemimpin Komanwel terutamanya dari negara-negara kecil untuk terlibat dalam dialog dengan pemimpin lain.

"Kebanyakan pemimpin di Komanwel adalah dari negara membangun. Banyak yang menghadapi masalah yang sama," katanya.

Beliau berkata sesetengah daripada isu itu yang akan dibangkitkan semasa CHOGM Brisbane adalah kesan globalisasi dan perdagangan.

Lawatan McKinnon ke Malaysia adalah sebahagian daripada kunjungannya ke beberapa negara Komanwel untuk berbincang tentang persediaan mesyuarat para pemimpin negara bekas jajahan Britain itu.

-- BERNAMA

FA MAM NAK